

31/01/1998

EPU sediakan urusetia MTEN

KUALA LUMPUR, Jumaat - Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri sudah menyediakan urusetia untuk Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dipertanggungjawabkan memberi sistem amaran awal dan pemantauan bagi MTEN.

Ketua Urusetia MTEN, Dr Fadzil Azim Abbas, berkata urusetia itu yang dilengkapi bilik gerakan yang mempunyai sistem matlumat dan data, dibahagikan kepada dua sayap iaitu operasi dan analisis.

Menurutnya, bahagian operasi menguruskan hal-ehwal mesyuarat, manakala bahagian analisis menjalankan tugas yang memfokus kepada mencerakin kedudukan mata wang, pasaran modal dan hal ehwal ekonomi negara luar yang mempunyai hubungan dagang dengan Malaysia.

Beliau berkata, urusetia itu berkhidmat kepada semua peringkat MTEN iaitu MTEN sendiri, exconya dan jawatankuasa kerja.

"Urusetia bertanggungjawab kepada MTEN dan exconya dalam membuat analisis ekonomi dan melaporkan perkembangan yang relevan dan kritikal secara berterusan kepada MTEN untuk menentukan tindakan Kabinet," katanya.

Dr Fadzil yang juga Pengarah Pembahagian EPU berkata, keanggotaan urusetia akan diisi selepas mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Perbendaharaan.

"Keanggotaan profesional seperti ahli ekonomi dan mereka yang dianggap perlu serta anggota sokongan sudah dikemukakan kepada JPA dan EPU untuk kelulusan," katanya dalam temubual dengan akhbar Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan penubuhan MTEN pada 20 November lalu sebagai badan perundingan kepada Kabinet dalam usaha menangani masalah semasa dan jangka sederhana ekonomi bagi memastikan pertumbuhan mampan.

Penubuhan MTEN adalah satu strategi mengelakkan negara daripada terjebak ke kancah kemelesetan ekonomi.

Dr Fadzil enggan menyatakan berapa ramai anggota yang dipohon oleh urusetia, tetapi menjelaskan ia mempunyai anggota yang cukup untuk beroperasi.

(END)